

# **PERANAN KOHESI DALAM MEMBINA KETEKSTUALAN TEKS BERITA ARAB DALAM TALIAN**

*Mohd Azidan Abdul Jabar*

## **Abstrak**

Alaf baru menyaksikan era globalisasi yang memperlihatkan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi multimedia ke seluruh dunia. Teknologi ini meresap ke dalam segenap bidang termasuk bidang bahasa. Segala maklumat dan berita kini boleh diperoleh dan dilayari secara dalam talian pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Scenario ini telah berjaya menganjak paradigma baharu untuk berinteraksi dengan media berbahasa Arab dengan memperkenalkan kaedah dan strategi terkini kepada pelajar dan pengamal bahasa Arab di Malaysia. Justeru, adalah penting bagi setiap teks berita dalam media Arab dalam talian mempraktikkan dan mempamerkan beberapa piawai ketekstualan tertentu bagi menghasilkan makna teks yang kontekstual, tersusun dan difahami pengguna bahasa Arab. Piawai ketekstualan berita yang paling penting ialah kohesi. Berdasarkan telahan tersebut, makalah ini cuba mendeskripsikan aspek kohesi yang boleh membina pertalian linguistik antara unsur dengan unsur atau bahagian dengan bahagian dalam teks berita secara terperinci, sekali gus memberikannya taraf wacana yang berciri mesra-konteks.

## *Abstract*

*The new millennium witnesses an era of globalisation that has prompted the development of Information and Communication Technology (ICT) and multimedia technology throughout the world. This new wave touches all spheres of life including language. Today, any information and news can be obtained and surfed on line anytime and anywhere. This scenario has shifted enormously a new paradigm in introducing the latest methodology and strategy of interacting with the Arabic media to the Arabic students and language practitioners in Malaysia.*

*Thus, it is important for every text in the on line Arabic media to practice and display several standards of textuality in order to make the meaning of the text contextual, systematic and sensible by Arabic language users. The most important standard of textuality is definitely cohesion. Based on this assumption, this article attempts to describe in detail on how cohesion can build linguistic relationships between elements and segments of the text and would therefore give the text a form of discourse which is context-friendly.*

## PENDAHULUAN

Kohesi merupakan konsep yang lahir daripada konsep wacana. Kohesi mula diperkenalkan apabila Halliday dan Hasan (1976) memajukan teori tentang bagaimana pendengar atau pembaca memahami perkaitan antara beberapa bahagian dalam ujaran atau teks. Kohesi berperanan mewujudkan ketekstualan kepada teks bagi melayakkannya diiktiraf sebagai wacana. Perlu dinyatakan bahawa kohesi bukanlah satu-satunya syarat untuk menghasilkan sesebuah wacana kerana terdapat syarat-syarat lain seperti koheren, kesengajaan, keinformatifan, situasionaliti, keintertekstualan dan kebolehterimaan. Akan tetapi, kewujudan kohesi menjadi wajib dalam semua teks yang bertaraf wacana jika dibandingkan dengan syarat-syarat yang lain kerana ia menghasilkan kesinambungan di antara satu segmen dengan segmen yang lain dalam wacana. Halliday dan Hasan (1976:299) menyatakan:

“Kohesi merupakan kesinambungan yang wujud di antara satu bahagian teks dengan bahagian yang lain. Perlu dinyatakan bahawa kesinambungan sahaja tidak menjamin ketekstualan teks secara mutlak ... kesinambungan ialah elemen yang mesti ada untuk membolehkan wacana hidup sebagai teks.”

Semua ayat yang terkandung di dalam teks melainkan ayat yang pertama mempunyai hubungan kohesi dengan ayat-ayat yang sebelum dan selepasnya. Adalah tidak mungkin satu ayat yang berada di tengah-tengah teks dapat ditafsirkan maknanya dengan tepat tanpa merujuk kepada sekurang-kurangnya ayat yang sebelumnya. Hal ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:293) seperti yang berikut:

“Kebiasaannya, setiap ayat yang terdapat dalam sebuah teks kecuali ayat yang pertama mempamerkan pertalian kohesi dengan ayat-ayat sebelumnya, terutamanya ayat yang secara langsung berada sebelumnya.”

## Definisi Kohesi

Kohesi ialah konsep wacana yang berasaskan semantik yang merujuk kepada hubungan makna yang wujud dalam sesebuah teks bagi membolehkannya dinamakan sebagai wacana. Kohesi ialah hubungan dua atau lebih unsur dalam sesebuah teks. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:8) seperti yang berikut:

“Kohesi ialah hubungan semantik antara satu unsur dalam sebuah teks dengan unsur lain yang mengalami kesukaran interpretasi.”

Dengan perkataan lain, kohesi cuba menerangkan bagaimana ayat-ayat atau bahagian-bahagian teks dihubungkan antara satu sama lain untuk membentuk wacana sebagaimana yang dinyatakan oleh Yowell (1988) yang berikut:

“Kohesi menjelaskan persoalan tentang bagaimana ayat-ayat dihubungkan antara satu sama lain untuk membentuk teks. Ia bertujuan untuk menjadikan elemen-elemen semantik atau sintaksis dalam teks supaya bersifat kohesif ...”

(lihat Steiner dan Veltman, 1988:148).

Menurut Halliday dan Hasan (1976), kohesi terhasil apabila interpretasi terhadap sesuatu unsur yang terdapat dalam wacana terikat atau bergantung pada interpretasi unsur yang lain dalam wacana yang serupa. Satu unsur bahasa membayangkan makna unsur yang lain dalam keadaan unsur tersebut sukar difahami dengan jelas melainkan dengan bantuan unsur sebelumnya. Oleh yang demikian, hubungan kohesi berlaku antara dua unsur iaitu unsur yang membayangkan (*presupposing element*) dengan unsur yang dibayangkan (*presupposed element*) bagi membolehkan kedua-duanya disatukan dalam sebuah wacana (Halliday dan Hasan, 1976:4).

Untuk menggambarkan satu jenis kohesi yang menghubungkan dua unsur, maka istilah *tie* digunakan. Dalam hal ini, sesuatu teks boleh dideskripsikan mengikut jenis dan bilangan *tie* yang terkandung di dalamnya. Ini dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:4) seperti yang berikut:

“Konsep *tie* memudahkan analisis dilakukan terhadap ciri-ciri kohesi teks dan membantu membina kaedah yang bersistematik dalam menjelaskan bentuk-bentuk ketekstualan.”

Halliday dan Hasan (1976) berpendapat bahawa kohesi mengandungi apa-apa yang dinamakan sebagai konsep perkaitan. Kohesi tidak hanya terjadi dengan wujudnya unsur-unsur bahasa tertentu yang dianggap

mempunyai nilai kohesif dalam teks tanpa ada pertalian dengan unsur-unsur bahasa yang lain. Sebaliknya, kohesi merupakan perkaitan antara satu perkara dengan perkara yang lain. Kohesi terjadi apabila interpretasi terhadap sesuatu unsur dalam sesebuah wacana memerlukan rujukan terhadap mana-mana unsur atau bahagian dalam wacana yang sama. Rujukan inilah yang mengaitkan bahagian wacana yang hendak diinterpretasi dengan bahagian-bahagian wacana yang lain. Ini dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:11) seperti yang berikut:

“Terdapat satu perkaitan makna yang sangat penting untuk menghasilkan ketekstualan, iaitu apabila satu unsur diinterpretasi dengan merujuk kepada unsur yang lain. Tugas kohesi adalah untuk menyatakan kaedah yang boleh digunakan untuk membolehkan unsur-unsur ini diinterpretasikan. Kohesi muncul apabila sebarang interpretasi unsur dalam wacana memerlukan rujukan kepada unsur yang lain dalam wacana yang serupa.”

Beaugrande dan Dressler (1981) menyatakan bahawa kohesi menyediakan tahap sokongan bagi menjamin kestabilan teks melalui kesinambungan peristiwa. Ini amat perlu kerana dalam teks terdapat peringkat-peringkat peristiwa yang berturutan antara satu sama lain. Satu peringkat peristiwa menjadi instrumen untuk memahami beberapa peringkat peristiwa yang lain (Beaugrande dan Dressler, 1981:48).

## Kohesi dan Struktur

Perlu dinyatakan bahawa wacana bukanlah unit tatabahasa yang mempunyai struktur tertentu. Oleh itu, kohesi sebagai ciri utama ketekstualan wacana juga bukanlah perkaitan yang berdasarkan struktur yang tertentu. Kohesi juga tidak dibataskan oleh sempadan-sempadan ayat. Ini terdapat dalam pernyataan Halliday dan Hasan (1976:14) yang berbunyi:

“Kohesi seperti yang telah diberitahu bukanlah perkaitan berbentuk struktur dan ia tidak dibatasi oleh sempadan-sempadan ayat. Dalam kebanyakan keadaan, kohesi menjangkakan sesuatu yang telah berlalu, sama ada dalam ayat sebelum atau selepasnya.”

Struktur yang sebenarnya terdapat dalam wacana ialah perkaitan antara bahagian dalam teks seperti antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam ayat, ayat dengan ayat, perenggan dengan perenggan, episod dengan episod, bab dengan bab, topik dengan topik dan keseluruhan teks.

Struktur dalam wacana mempunyai ciri kefleksibelan yang tidak mempunyai bentuk-bentuk tertentu dan lebih bertunjangkan mesej yang hendak disampaikan. Justeru, struktur dalam wacana sukar dijelaskan. Ini tidak sama dengan makna struktur dalam ayat dan klausa yang biasa difahami dalam konteks nahu.

Bahagian-bahagian ayat dan klausa berkohesi di antara satu sama lain kerana ia mempunyai struktur nahuan tertentu. Oleh itu, bahagian-bahagian ayat dan klausa juga mempamerkan ciri ketekstualan yang sama dengan ciri ketekstualan yang dipamerkan oleh bahagian-bahagian wacana. Kesepaduan antara fungsi struktur dalam konteks nahu dengan fungsi struktur dalam konteks wacana dapat menghasilkan sebuah wacana yang utuh dan kohesif. Halliday dan Hasan (1976:6–7) berkata:

“Bahagian-bahagian ayat dan klausa sudah semestinya berkohesi di antara satu sama lain dalam strukturnya yang tersendiri. Oleh itu, bahagian-bahagian ini turut mempamerkan ketekstualan dan membina kesepaduan dalaman yang menyokong pembinaan teks ... Semua unit nahu - ayat, klausa, gugus, perkataan - bersifat kohesif kerana ia berada dalam struktur yang tertentu.”

Dalam kehidupan sehari-hari, jarang-jarang sekali kita menggunakan wacana yang terdiri daripada satu ayat sahaja. Jika ini berlaku, maka ciri kohesi dalam ayat dapat dideskripsikan dengan mudah melalui struktur nahuan ayat tersebut. Pada kebiasaannya, wacana mempunyai lebih daripada satu ayat. Untuk menjelaskan perkaitan kohesi dalam bahagian-bahagian wacana tersebut, kita tidak boleh semata-mata bergantung pada struktur nahuan yang terdapat dalam ayat atau klausa, tetapi kita mestilah melihat struktur wacana yang berdasarkan semantik di antara bahagian dalam wacana, iaitu di antara ayat dengan ayat, perenggan dengan perenggan, episod dengan episod, bab dengan bab, topik dengan topik dan keseluruhan teks. Justeru, konsep kohesi yang dimaksudkan dalam wacana ialah kohesi yang bukan merujuk kepada struktur nahuan ayat semata-mata tetapi ‘struktur’ wacana yang berdasarkan semantik. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:7) seperti yang berikut:

“Secara khususnya, penggunaan istilah kohesi merujuk kepada perkaitan bukan struktural dalam pembinaan teks. Ia merupakan perkaitan semantik dan teks itu sendiri ialah unit semantik.”

Perbezaan antara struktur wacana dengan struktur nahuan dapat digambaran dalam jadual yang berikut:

**Jadual 1** Perbezaan antara struktur wacana dengan struktur nahuhan.

Struktur wacana	Struktur nahuhan
i - berasaskan semantik.	i - berasaskan sintaksis.
ii - tidak mempunyai bentuk yang tetap.	ii - mempunyai bentuk yang tetap.
iii - tidak boleh dijelaskan.	iii - boleh dijelaskan.
iv - antara ayat, perenggan, episod, bab dan topik.	iv - dalam klausa dan ayat.
v - membina kohesi dalam wacana.	v - membina kohesi dalam klausa dan ayat.

## Kohesi dalam Ayat

Kohesi juga boleh didapati dalam ayat selain wujud di antara ayat. Kohesi dalam ayat lebih dikuasai oleh kekuatan struktur nahu yang membina ayat tersebut. Unsur-unsur dalam ayat telah diikat antara satu sama lain oleh struktur nahu ayat. Oleh itu, fungsi kohesi tidak diperlukan untuk mengikat unsur-unsur tersebut. Jika diperlukan sekalipun, fungsi kohesi dianggap sebagai pengukuhan kerana fungsi berkenaan telah pun dilakukan oleh struktur nahu ayat. Ini bermakna, dalam ayat, kohesi dan struktur nahu ayat memainkan peranan yang sama. Halliday dan Hasan (1976:7–8) menyatakan hal ini seperti yang berikut:

“Oleh sebab kohesi tidak memiliki struktur tertentu, maka ia boleh dilihat sama ada di dalam ayat ataupun di antara ayat. Kohesi dalam ayat tidak terserah kerana ayat telah mempunyai struktur nahu yang tersendiri. Oleh sebab ayat telah pun diikat dengan struktur nahu tertentu, maka kohesi tidak lagi diperlukan untuk mengikat ayat. Akan tetapi, pertalian kohesi adalah sama sahaja dengan struktur nahu dalam ayat.”

Memandangkan ayat merupakan unit yang paling tinggi dalam struktur nahu, maka struktur nahu ayat juga mempunyai peranan dalam menentukan bagaimana kohesi dinyatakan dalam ayat. Ini bermakna kohesi dalam ayat tidak boleh dinyatakan secara bebas mengikut pertimbangan semantik semata-mata, tetapi mesti mengikut struktur dalam ayat yang telah ditentukan. Ini berbeza dengan kohesi di antara ayat yang berada di luar batasan struktur nahu ayat dan hanya ditentukan semata-mata berdasarkan pertimbangan semantik. Ini jelas terdapat dalam pernyataan Halliday dan Hasan (1976:8) seperti yang berikut:

“Walau bagaimanapun, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa ayat mempunyai pengaruh yang besar kepada kohesi kerana ayat ialah unit yang paling tinggi dalam struktur nahu. Ayat menentukan bagaimana seharusnya kohesi dinyatakan.”

Perbezaan antara kohesi dalam ayat dengan kohesi di antara ayat dapat digambarkan dalam jadual yang berikut:

**Jadual 2** Perbezaan antara kohesi dalam ayat dengan kohesi antara ayat-ayat.

Kohesi dalam ayat	Kohesi antara ayat
i - terikat dengan struktur nahu.	i - bebas daripada struktur nahu.
ii - lokasi ditentukan oleh struktur nahu.	ii - lokasi bergantung pada kesesuaian.
iii - kurang jelas kerana fungsi bertindan dengan struktur nahu ayat.	iii - lebih jelas kerana menjadi satu-satunya sumber ketekstualan teks.
iv - berasaskan semantik dan struktur nahu.	iv - berasaskan semantik.

## Kohesi dalam Wacana

Kohesi dalam wacana merujuk kepada hubungan semantik yang wujud di antara bahagian dalam wacana, iaitu di antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam ayat, ayat dengan ayat, perenggan dengan perenggan, episod dengan episod, bab dengan bab, topik dengan topik dan keseluruhan teks. Perkaitan kohesi dalam wacana tidak dipengaruhi oleh struktur nahu yang tertentu seperti kohesi dalam ayat, sebaliknya ia disesuaikan mengikut struktur wacana itu sendiri. Struktur wacana pula ialah struktur unit yang lebih tinggi dan luas daripada ayat seperti perenggan, episod, bab, topik dan keseluruhan teks. Hal ini dijelaskan oleh Halliday dan Hasan (1976:10) seperti yang berikut:

“Struktur wacana ialah satu istilah yang digunakan untuk merujuk kepada unit-unit yang lebih tinggi daripada ayat seperti perenggan atau beberapa entiti yang lebih besar seperti episod dan topik.”

Struktur yang terdapat dalam wacana tidak boleh ditentukan sebagaimana kita menentukan struktur dalam penghasilan sesuatu ayat. Kita tidak boleh menyenaraikan pola-pola ayat tertentu secara tetap untuk disusun menjadi pola atau struktur wacana sebagai kaedah pembinaan kohesi dalam wacana. Ini adalah kerana walaupun ayat-ayat dibina dengan betul dalam wacana, ia tidak semestinya menjamin pengaliran maklumat dengan licin.

Yang boleh dilakukan adalah dengan memilih beberapa pola ayat daripada sejumlah pola ayat yang diterbitkan secara nahuan dalam sesuatu bahasa untuk disesuaikan dengan maklumat serta konteks sesuatu ujaran atau tulisan. Kemudian, harus difikirkan beberapa kemungkinan yang terdapat dalam sistem linguistik untuk menghubungkan pola-pola ayat yang dipilih tadi melalui perkaitan makna. Ini seterusnya dapat menjelaskan bagaimana ayat-ayat yang mempunyai struktur yang berasingan dapat digabungkan melalui interpretasi-interpretasi semantik yang tertentu. Struktur wacana sebenarnya terhasil daripada pengaliran maklumat yang licin, yang berupaya menghasilkan satuan semantik yang ditunjangi bersama oleh kriteria-kriteria ketekstualan yang lain. Halliday dan Hasan (1976:10) menyatakan:

“Kita tidak boleh menetapkan struktur teks dengan menyenaraikan pola-pola ayat tertentu. Sebaliknya, kita perlu menunjukkan bagaimana ayat-ayat yang memiliki struktur yang tersendiri boleh dihubungkan antara satu sama lain melalui interpretasi ciri-ciri ayat. Inilah yang perlu dilakukan dalam konsep kohesi.”

## Kohesi dan Koheren

Seperti yang telah dinyatakan, koheren merupakan salah satu daripada ciri utama ketekstualan sesebuah teks. Wacana menyampaikan maksud-maksud tertentu. Sesuatu ayat dalam wacana ada kalanya boleh menyampaikan beberapa maksud (*sense*), akan tetapi hanya satu sahaja maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis. Jika maksud sesuatu ayat dalam wacana sukar ditetapkan, maka akan wujud ketaksaan dalam memahami ayat dan akhirnya akan menjelaskan pemahaman wacana keseluruhannya. Beaugrande dan Dressler (1981) dalam usaha menggambarkan koheren, menjelaskan bahawa sesuatu teks yang koheren ialah teks yang memiliki kesinambungan maksud dan menampakkan kesepadan antara konsep dengan perkaitan daripada satu bahagian kepada satu bahagian yang lain. Ini bermakna, kesinambungan maksud itu tidak terhalang oleh ketaksaan yang muncul pada satu-satu bahagian wacana (Beaugrande dan Dressler, 1981:84–112). Beaugrande dan Dressler (1981:84) berkata:

“Kita harus meletakkan kesinambungan maksud sebagai asas dalam koheren yang sentiasa saling berhubungan antara susunan konsep dengan perkaitan.”

Khathijah Abdul Hamid (1996) berpendapat bahawa koheren ialah keseluruhan struktur semantik dan kesepadan sesebuah teks pertuturan

mahupun penulisan. Pada asasnya, koheren ialah suatu keperluan wacana. Justeru, menurut beliau, koheren merupakan konsep yang agak kabur dan sukar didefinisikan, tidak seperti kohesi yang dapat dilihat unsur-unsur linguistik permukaannya (Khathijah Abdul Hamid, 1996:870).

Kohesi pada dasarnya dapat menjelaskan unsur-unsur yang membinanya secara linguistik. Koheren pula lebih menjurus kepada hubungan antara wacana dengan pendengar atau pembacanya. Oleh itu, tahap koheren dalam wacana hanya boleh ditentukan oleh seseorang yang mengetahui bahasa yang digunakan serta memahami topik perbincangannya. Hal ini disebut oleh Bosch (1989) seperti yang berikut:

“Sama ada sesebuah teks itu bersifat koheren hanya boleh ditentukan oleh seseorang yang mengetahui bahasa yang digunakan dalam teks serta memahami isi kandungan teks.” (lihat Heydrich *et al.*, 1989:218)

Bosch (1989) juga membezakan kohesi daripada koheren. Pada beliau, kohesi ialah fenomena sintaksis, manakala koheren bergantung pada proses pemahaman dan pengertian pendengar atau pembaca terhadap susunan fikiran yang disampaikan dalam sesuatu teks. Ini bermakna, bukan semua teks yang memiliki ciri-ciri kohesi mampu memberikan kefahaman yang teratur seperti yang dikehendaki kepada penerimanya. Ini bergantung pada penguasaan terhadap topik yang dinyatakan dalam wacana (lihat Heydrich *et al.*, 1989:218–227). Umpamanya, seseorang yang tidak memahami bahasa Arab apabila membaca teks Arab, akan menyebabkannya tidak dapat memeriksa ciri kohesi dan juga koheren teks tersebut kerana tidak mempunyai pengetahuan linguistik Arab dan tidak memahami topik perbincangan. Akan tetapi, seorang pengguna bahasa Arab yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang kimia umpamanya, apabila membaca sebuah teks kimia yang ditulis dalam bahasa Arab, dia boleh memeriksa ciri-ciri kohesi yang terdapat dalam teks tersebut kerana mempunyai pengetahuan linguistik Arab, tetapi tidak boleh memeriksa ciri-ciri koheren disebabkan tidak memiliki pengetahuan terhadap topik perbincangan teks, iaitu bidang kimia. Bosch (1989) berkata:

“Koheren boleh dibezakan daripada kohesi. Kohesi merupakan fenomena sintaksis yang formal, manakala koheren berkaitan dengan proses pemahaman. Kohesi perlu dalam sesebuah teks untuk menentukan aspek tatabahasa ayat. Bukan semua ayat yang betul nahnnya dan memiliki ciri-ciri sintaksis kohesi mesti memiliki ciri-ciri semantik koheren.”

Kohesi merupakan wasilah penghasilan koheren dalam wacana. Jika beberapa urutan ayat yang kohesif dikeluarkan daripada teksnya, ini akan

menyebabkan ciri koheren teks tersebut musnah sama sekali. Sebuah wacana yang koheren sudah tentu dapat menampilkan penggunaan jenis-jenis kohesi yang betul dan sesuai. Ini tidak bermakna teks yang kohesif dapat menghasilkan koheren kepada penerimanya secara mutlak. Perlu diingatkan bahawa, teks yang kohesif hanya boleh memberikan gambaran maksud yang bersifat koheren kepada pembaca dengan syarat pembaca tersebut menguasai bahasa dan bidang yang dibicarakan oleh teks. Cook (1994:33) berpendapat:

“Secara asasnya, kohesi semata-mata masih tidak cukup untuk menghasilkan koheren dalam teks. Kebanyakan teks yang koheren juga kohesif pada masa yang sama, akan tetapi ini tidak bermakna koheren dihasilkan oleh kohesi.”

Beberapa perkara utama tentang perbandingan antara kohesi dengan koheren dapat digambarkan dalam jadual yang berikut:

**Jadual 3** Perbandingan antara kohesi dengan koheren.

Kohesi	Koheren
i - ciri utama ketekstualan wacana.	i - ciri utama ketekstualan wacana.
ii - boleh dijelaskan.	ii - agak kabur dan sukar dijelaskan.
iii - hubungan antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam wacana.	iii - hubungan antara wacana dengan penerima (pendengar atau pembaca).
iv - perlukan pengetahuan linguistik untuk memahaminya.	iv - perlukan pengetahuan linguistik dan topik perbincangan untuk memahaminya.
v wacana yang kohesif tidak semestinya koheren.	v wacana yang koheren semestinya kohesif.

### Jenis-jenis Kohesi dalam Wacana Arab

Kohesi yang terdapat dalam apa-apa jua wacana Arab termasuk teks berita secara umumnya boleh diklasifikasikan kepada dua bahagian utama, iaitu kohesi nahu dan kohesi leksikal. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:5–6) seperti yang berikut:

“Kohesi dinyatakan sebahagiannya melalui nahu dan sebahagian yang lain melalui kosa kata. Oleh yang demikian, kita boleh merujuknya sebagai kohesi nahu dan kohesi leksikal.”

Seterusnya, kohesi nahu dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu rujukan, elipsis, substitusi dan konjungsi. Setiap bahagian dalam kohesi

nahu serta kohesi leksikal mempunyai alat-alat kohesi yang berperanan menghubungkan satu unsur wacana dengan unsur yang lain mengikut tatacara atau prinsip yang ditetapkan dalam lingkungan jenis kohesi masing-masing. Pengkaji berperanan membuat aplikasi modul kohesi ke dalam teks berita Arab. Dalam proses aplikasi ini, beberapa penyesuaian dilakukan supaya ia selaras dengan bentuk dan struktur wacana Arab. Walau bagaimanapun, penyesuaian ini tidaklah sampai ke peringkat merombak dan mengubah kerangka pembahagian kohesi yang disarankan oleh Halliday dan Hasan. Oleh itu, kaedah kohesi wacana Arab yang terbina merupakan hasil gabungan prinsip tatabahasa Arab dan linguistik wacana moden.

### i. Kohesi Rujukan


Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang memiliki ciri-ciri rujukan mengikut istilah analisis wacana. Perkataan-perkataan ini tidak dapat memberikan makna yang sempurna serta boleh difahami. Ini bermakna interpretasi perkataan-perkataan tersebut boleh diperoleh dengan cara melakukan rujukan kepada mana-mana bahagian dalam wacana. Interpretasi semantik seperti ini menghasilkan perkaitan antara satu unsur dalam teks dengan unsur yang lain. Perkaitan ini membentuk salah satu jenis kohesi utama dalam wacana yang dikenali sebagai kohesi rujukan.

Terdapat dua cara untuk mendapatkan makna bagi perkataan-perkataan rujukan dalam sesuatu teks. Pertama, dengan melihat di sekeliling teks, iaitu mencari makna perkataan rujukan daripada sumber dalam wacana itu sendiri. Cara ini dikenali sebagai rujukan teks. Cara kedua adalah dengan melihat di luar teks, iaitu mendapatkan makna perkataan rujukan dengan melihat dunia luar atau konteks situasi wacana. Kaedah ini dikenali sebagai rujukan situasi (Salkie, 1995:65).

Halliday dan Hasan (1976) memberikan istilah bagi rujukan situasi sebagai eksofora dan istilah bagi rujukan teks sebagai endofora. Ini bermakna setiap perkataan rujukan boleh termasuk sama ada dalam eksofora ataupun endofora. Sekiranya sesuatu perkataan rujukan termasuk dalam kategori endofora, pencarian makna perkataan dalam teks boleh dilakukan dengan melihat bahagian teks yang sebelumnya atau bahagian teks yang selepasnya. Rujukan endofora kepada unsur teks sebelumnya dikenali sebagai anafora, manakala rujukan endofora kepada unsur teks selepasnya dikenali sebagai katafora (Halliday dan Hasan, 1976:31–37).

Pembahagian Halliday dan Hasan terhadap jenis-jenis rujukan ini dapat diperhatikan dalam rajah yang berikut:

Rujukan



**Rajah 1** Jenis-jenis kohesi rujukan.

Apa-apa sahaja kata rujukan yang terdapat dalam teks boleh didapati dalam bentuk eksofora ataupun endofora atau mungkin juga kedua-duanya sekali. Arahan umum yang terdapat dalam kata rujukan sama ada eksofora ataupun endofora ialah “lihat di tempat lain” (*see elsewhere*). Halliday dan Hasan (1976) menyatakan bahawa rujukan endofora memiliki nilai kohesif secara langsung kerana rujukan endofora membina integrasi antara satu bahagian teks dengan bahagian yang lain. Rujukan eksofora pula membina perkaitan antara bahagian teks dengan konteks situasi atau luar teks, tetapi tidak membina perkaitan antara satu unsur dengan unsur yang lain dalam teks. Oleh itu, eksofora memiliki nilai kohesif secara tidak langsung (Halliday dan Hasan, 1976:37). Alat-alat kohesi rujukan yang boleh digunakan dalam wacana Arab ialah *ḍamīr* yang dapat dibahagikan kepada *ḍamīr bāriz munfaṣil*, *ḍamīr bāriz muttaṣil* dan *ḍamīr mustatir* serta *ism al-’isyārat*.

## ii. Kohesi Elipsis

Dalam konteks yang tertentu, beberapa perkataan dan frasa dalam teks boleh ditiadakan atau dihilangkan daripada supaya tidak diulang. Kaedah penghilangan seperti ini dinamakan elipsis. Dalam analisis wacana, elipsis bermaksud menggantikan perkataan atau bahagian tertentu ayat dalam teks dengan sifar, iaitu dengan sesuatu yang pada hakikatnya ada tetapi tidak dizahirkan dalam bentuk ucapan mahupun tulisan. Halliday dan Hasan (1976) menganggap kaedah elipsis ini sebagai penggantian oleh sifar atau “*substitution by zero*” (Halliday dan Hasan, 1976:142).


Harimurti Kridalaksana (1983) mendefinisikan elipsis sebagai peniadanan kata atau satuan lain yang wujud pada asalnya dan boleh diramal daripada konteks bahasa atau luar bahasa (Harimurti Kridalaksana, 1983:40). Interpretasi perkataan atau komponen ayat yang dihilangkan memerlukan rujukan kepada bahagian teks yang sebelumnya. Ini seterusnya menghasilkan perkaitan kohesi antara unsur teks yang dihilangkan dengan unsur lain yang terdapat sebelumnya yang dikenali sebagai kohesi elipsis. Perhatikan contoh yang berikut:

أين مُحَمَّدٌ ؟ <> مُسَافِرٌ

[*Di mana Muhammad ? <> Mengembala*]

Lambang  $\leftrightarrow$  yang diilhamkan daripada Salkie (1995), diletakkan bagi menunjukkan terdapatnya perkataan atau klausa yang dihilangkan. Dalam contoh di atas, perkataan yang dihilangkan ialah ('مُحَمَّدٌ'). Perkataan yang dihilangkan itu tidak digantikan dengan apa-apa dan tempatnya dibiarkan kosong. Penghilangan ini menghasilkan pertalian antara dua unsur dalam wacana yang dikenali sebagai kohesi elipsis.

Halliday dan Hasan (1976) mengklasifikasikan elipsis secara umumnya kepada tiga jenis, iaitu elipsis namaan atau kata nama, elipsis kerjaan atau kata kerja dan elipsis klausa (Halliday dan Hasan, 1976:142–225). Ini bermakna penghilangan boleh dilakukan ke atas satu perkataan daripada kategori kata nama atau satu perkataan daripada kategori kata kerja atau juga satu klausa sebagaimana yang digambarkan dalam rajah yang berikut:



**Rajah 2** Jenis-jenis elipsis.

Dalam bahasa Arab, kaedah elipsis dikenali sebagai kaedah al-ḥadhf yang boleh berlaku dalam beberapa keadaan, sama ada melibatkan kata nama, kata kerja maupun ayat. Kohesi elipsis boleh diaplikasikan ke dalam teks wacana Arab melalui konsep al-ḥadhf yang terdapat dalam nahu Arab. Abbās Hasan (1974) menyatakan bahawa elipsis sesuatu unsur dalam bahasa

Arab boleh dilakukan jika memenuhi dua syarat. Pertama, jika terdapat qarīnat atau petunjuk yang jelas tentang unsur yang dihilangkan serta tempatnya. Kedua, jika elipsis sesuatu unsur itu tidak merosakkan struktur nahan dan makna ayat (Abbās Hasan, Jilid 2, 1974:56). Perlu dinyatakan di sini bahawa bukan semua kaedah al-ḥadhf yang terdapat dalam nahu Arab bersesuaian dengan konsep elipsis dalam wacana. Hanya kaedah al-ḥadhf yang melibatkan perkataan, iaitu kata nama atau kata kerja dan klausa serta yang boleh menghasilkan pertalian dua unsur dalam teks sahaja yang dianggap bersesuaian dengan konsep elipsis yang sedang dibicarakan.

### **iii. Kohesi Substitusi**

Kohesi substitusi atau penggantian pada dasarnya sama dengan kohesi elipsis kerana kedua-duanya melibatkan peniadaan unsur tertentu dalam teks. Perbezaannya ialah unsur yang ditiadakan digantikan dengan unsur lain dalam kohesi substitusi, manakala dalam kohesi elipsis, tiada unsur gantian yang disediakan untuk unsur yang telah dihilangkan. Ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:88) seperti yang berikut:


“... substitusi ialah penggantian suatu unsur dengan unsur yang lain, manakala elipsis ialah penghilangan suatu unsur. Kedua-duanya melalui proses yang sama. Elipsis juga boleh ditafsirkan sebagai satu jenis substitusi yang unsurnya dihilangkan tanpa diganti.”

Harimurti Kridalaksana (1983) mendefinisikan substitusi sebagai proses atau hasil penggantian unsur bahasa oleh unsur lain dalam satuan yang lebih besar untuk memperoleh unsur-unsur pembeza atau untuk menjelaskan suatu struktur tertentu (Harimurti Kridalaksana, 1983:159). Kohesi substitusi merupakan pertalian nahu yang lebih tertumpu pada unit-unit linguistik pada peringkat leksikogrammatikal, iaitu peringkat nahu dan perkataan. Ini boleh mengelakkan penulis atau penutur daripada mengulangi ungkapan yang sama dengan menggantikannya dengan perkataan lain yang lebih ringkas. Ini selaras dengan pendapat Renkema (1993:37) seperti yang berikut:

“Substitusi ialah penggantian perkataan (kelompok kata) atau segmen ayat dengan perkataan *tiruan*.”

Halliday dan Hasan (1976) mengklasifikasikan substitusi secara umumnya kepada tiga jenis, iaitu substitusi namaan atau kata nama, substitusi kerajaan atau kata kerja dan substitusi klausa (Halliday dan Hasan, 1976:88–141). Ini bermakna penggantian boleh dilakukan ke atas satu perkataan daripada

kategori kata nama atau satu perkataan daripada kategori kata kerja atau juga satu klausa sebagaimana yang digambarkan dalam rajah yang berikut:



**Rajah 3** Jenis-jenis substitusi.

Kohesi wacana melalui kaedah substitusi dalam bahasa Arab juga merupakan kaedah al-ḥadhf tetapi terbatas kepada kaedah al-ḥadhf yang menggantikan unsur yang dihilangkan itu dengan unsur lain yang nyata. Ini seterusnya dapat membina perkaitan antara unsur yang dihilangkan dengan unsur penggantinya. Substitusi dalam wacana Arab bukan sahaja boleh diperoleh melalui perkataan-perkataan tertentu tetapi juga melalui tanwīn (*nunation*), iaitu tanwīn al-ta‘wīd.

#### iv. Kohesi Konjungsi

Beberapa perkataan dan frasa ada kalanya digunakan untuk menyatakan perkaitan tertentu antara bahagian wacana. Perkataan dan frasa ini dikenali sebagai konjungsi atau kata penghubung. Konjungsi merupakan kohesi yang terhasil kerana maknanya sendiri. Kongjungsi tidak mempunyai pertalian langsung dengan unsur sebelum atau selepas teks tetapi berfungsi sebagai penyambung di antara unsur teks secara semantik. Ini terkandung dalam definisi konjungsi yang dinyatakan oleh Renkema (1993:38) seperti yang berikut:

“Konjungsi ialah pertalian yang menyatakan bagaimana ayat atau klausa yang berikutnya harus dihubungkan dengan ayat yang sebelum atau selepasnya.”

Konjungsi menjadi alat kohesi kerana ia membawa pengertian tertentu yang membayangkan kehadiran komponen lain dalam wacana (Halliday dan Hasan, 1976:226). Harimurti Kridalaksana (1983) menyatakan bahawa konjungsi berfungsi menggabungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa, ayat dengan ayat dan paragraf dengan paragraf (Harimurti Kridalaksana, 1983:90). Penggunaan konjungsi dalam wacana tidak terikat kepada susunan atau bentuk tertentu, sebaliknya ia boleh digunakan dengan

pelbagai cara mengikut kesesuaian kandungan sesebuah wacana. Halliday dan Hasan (1976) secara umumnya membahagikan konjungsi kepada empat bahagian, iaitu konjungsi tambahan, konjungsi lawan, konjungsi sebab dan konjungsi waktu. Terdapat juga konjungsi yang tidak termasuk dalam empat jenis di atas tetapi mempunyai nilai kohesif dalam sesebuah teks. Konjungsi seperti ini dikenali sebagai kontinuatif (Halliday dan Hasan, 1976:226–272).

Dalam bahasa Arab, kohesi wacana melalui kaedah konjungsi boleh dilakukan melalui konjungsi nahu atau konjungsi teks. Konjungsi nahu yang bersifat struktural boleh diperoleh dan disesuaikan dengan kaedah yang terdapat dalam ḥurūf al-‘atf dan ḥurūf jarr, manakala konjungsi teks diperoleh daripada beberapa perkataan dan ungkapan frasa yang sering digunakan untuk menghubungkan bahagian-bahagian teks seperti (وَمِنْ الْمُقْرَرِ) [adalah dijangkakan], (وَمَعَ ذَلِكَ) [begitu juga], (وَمِنْ جِهَةٍ أُخْرَى) [dari aspek yang lain], (عَلَى الرَّغْمِ) [walaupun], (لِذَلِكَ) [oleh itu] dan sebagainya. Melalui cara ini, bahagian-bahagian teks dapat dihubungkan secara konjungsi sama ada yang bersifat tambahan, lawan, sebab dan waktu ataupun yang bersifat kontinuatif bagi menghasilkan wacana yang kohesif.

## v. Kohesi Leksikal

Selain kohesi nahu, terdapat juga kohesi leksikal yang menghubungkan bahagian teks berdasarkan pemilihan kosa kata tertentu. Halliday dan Hasan (1976) membahagikan kohesi leksikal secara umumnya kepada dua bahagian yang utama. Pertama ialah pengulangan (*reiteration*), iaitu penggunaan kosa kata yang mempunyai pertalian dengan kosa kata sebelumnya. Pengulangan boleh diklasifikasikan kepada pengulangan (*repetition*), sinonim atau sinonim hampir sama dan superordinat atau kata am. Ini terkandung dalam pernyataan mereka seperti yang berikut:

“Pengulangan adalah salah satu daripada jenis kohesi leksikal yang melibatkan pengulangan pada bahagian leksikal pada satu tahap, penggunaan kata am yang merujuk kepada bahagian leksikal pada tahap yang lain dan beberapa perkara yang berada di antara dua tahap tadi, iaitu penggunaan sinonim, sinonim hampir sama dan superordinat.”

(Halliday dan Hasan, 1976:278)

Renkema (1993) pula membahagikan pengulangan (*reiteration*) secara umumnya kepada lima jenis, iaitu pengulangan (*repetition*), sinonim, hiponim, metonimi dan antonim (Renkema, 1993:39–40).

Kedua ialah kolokasi, iaitu asosiasi antara dua atau lebih perkataan yang

berada dalam lingkungan yang sama. Kohesi leksikal kolokasi ini membenarkan apa-apa sahaja perkataan yang difikirkan mempunyai hubungan konteks yang serupa dengan perkataan yang lain sebagai kaedah pembinaan ketenunan wacana. Skop kohesi leksikal diperluas kepada apa-apa sahaja pasangan perkataan yang diterima sebagai mempunyai persamaan dari segi leksikosemantiknya. Ini bermakna unsur-unsur leksikal yang berasal daripada kolokasi yang sama berupaya menghasilkan pertalian kohesi sekiranya terletak dalam bahagian-bahagian teks yang berdekatan. Hal ini dinyatakan oleh Halliday dan Hasan (1976:285–286) seperti yang berikut:

“Kita boleh memperluas skop pertalian leksikal yang berupaya menampilkan kekuatan kohesi dengan mengambil kira hubungan kohesi yang terdapat antara sepasang perkataan yang dikenal pasti hubungan leksikosemantiknya. Secara umumnya, dua perkataan yang mempunyai bentuk kolokasi yang sama, iaitu yang berasal daripada konteks yang sama, boleh menjana kekuatan kohesi jika berlaku pada ayat-ayat yang berhampiran.”

### **Contoh Analisis Kohesi dalam Teks Berita Arab Dalam Talian**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan melakukan analisis teks berita Arab dalam talian yang dipilih secara terperinci untuk menjelaskan pertalian kohesi antara unsur atau bahagian yang membinanya. Analisis kohesi yang dijalankan melibatkan kohesi nahu dan kohesi leksikal serta jenis-jenis dan alat-alatnya. Pada asasnya, analisis yang dijalankan bukanlah bertujuan untuk mencari maksud atau mesej yang hendak disampaikan oleh sesebuah teks berita, tetapi bertujuan untuk menjelaskan bagaimana teks tersebut berjaya dinyatakan sebagai sebuah wacana tulisan melalui perkaitan-perkaitan nahu dan leksikal yang terbina di antara bahagiannya. Dalam pernyataan lain, analisis ini tidak memberikan interpretasi baharu ataupun penarafan tertentu, sebaliknya menerangkan bagaimana dan kenapa sebuah teks berita diberikan penilaian dan kekuatan sebagai sebuah wacana tulisan yang ada padanya sekarang.

### **Korpus Analisis**

Data yang digunakan untuk analisis ini ialah sebuah teks berita yang dipetik daripada laman web berita Arab dalam talian yang beralamat di <http://www.aljazeera.net/> bertarikh 2 Februari 2004. Berita ini dipecahkan kepada beberapa segmen wacana untuk kemudahan analisis. Pembahagian kepada segmen-segmen ini dilakukan berdasarkan makna semantik yang dibawa

oleh wacana. Oleh itu, satu segmen mungkin terdiri daripada satu atau lebih klausa atau ayat. Di akhir setiap segmen yang terkandung di dalam sampel teks akan diberikan nombor bagi menyatakan kedudukan segmen tersebut.

Analisis kohesi yang dijalankan berdasarkan model analisis yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1976). Semasa menjalankan analisis kohesi, kajian ini berpegang pada konsep yang menyatakan bahawa wacana sebagai unit semantik yang berasaskan hubungan makna yang wujud di antara bahagian komponennya. Ini bertujuan menghasilkan analisis linguistik pada peringkat yang paling tinggi yang melangkaui keseluruhan unit yang lebih kecil termasuklah unit tatabahasa atau sintaksis.

Analisis kohesi yang dijalankan melibatkan dua bahagian kohesi yang utama, iaitu kohesi nahu dan kohesi leksikal. Kohesi nahu dibahagikan kepada beberapa jenis kohesi yang utama, iaitu rujukan, elipsis, substitusi dan konjungsi. Setiap jenis kohesi nahu dinyatakan melalui alat-alat kohesi Arab tertentu yang telah dilakukan penyesuaian dan modifikasi supaya selaras dengan konsep kohesi dalam wacana Arab. Manakala kohesi leksikal pula dibahagikan kepada beberapa alat kohesi yang utama, iaitu pengulangan, sinonim, antonim, superordinat, hiponim, metonimi dan kolokasi.

### **Analisis Teks Berita Dalam Talian**

Terdapat sebanyak 110 kohesi dalam teks berita dalam talian (*TBo*). Kohesi nahu merekodkan frekuensi sebanyak 82 kali (74.5 %), manakala kohesi leksikal mencatatkan frekuensi berjumlah 28 kali (25.5 %).

Kohesi nahu yang direkodkan terdiri daripada 53 (64.6 %) kohesi konjungsi, 27 (32.9 %) kohesi rujukan dan 2 (2.5 %) kohesi elipsis. Kohesi konjungsi dinyatakan melalui 17 alat dengan konjungsi huruf al-‘atf (وَ) [dan] mencatatkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 13 kali. Kohesi rujukan pula dinyatakan melalui 5 alat dengan ڦamir bâriz muttašîl (هَا) ['nya' untuk perempuan] merekodkan kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 8 kali, manakala kohesi elipsis hanya dinyatakan melalui satu alat dengan 2 kali kekerapan. Jadual 4 memperincikan semua alat kohesi rujukan, elipsis dan konjungsi serta kekerapan masing-masing. Alat-alat kohesi nahu yang terdapat dalam *TBo* boleh dideskripsikan. Semua ganti nama yang berikut, iaitu (هُوَ) ['nya' untuk lelaki] yang terdapat dalam segmen (2), (3), (4) dan (7), (هَا) ['nya' untuk perempuan] yang terdapat dalam segmen (2), (3), (4), (5) dan (6), (هُوَ) ['dia' untuk lelaki] yang terdapat pada kata kerja (قَالَ) [berkata] dan (تَعَافِدَ) [bersetuju] dalam segmen (3), (أَنْهَمَ) [menuduh] dan (جَمَعَ) [mengumpul] dalam segmen (6) serta (هِيَ) ['dia'

*untuk perempuan*] yang terdapat pada kata kerja (**نَفَقَدَ**) [menggugurkan] dalam segmen (1), (**لُخْقِيَ**) [menyembunyikan] dalam segmen (2), (**كَشَفَتْ**) [membongkar] dalam segmen (3), (**أَضَافَتْ**) [menambahkan] dalam segmen (5), (**تَسْهَدَتْ**) [menyaksikan], (**كَانَتْ**) dan (**تَحْسَنَتْ**) [semakin baik] dalam segmen (8) memerlukan rujukan secara endofora anafora kepada unsur bahasa sebelumnya dalam segmen yang serupa bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang maknanya. Hal yang sama juga berlaku kepada kata nama penunjuk (**[itu]**) yang terdapat dalam segmen (1). Ini berbeza dengan ganti nama (**هُوَ**) [*'dia' untuk lelaki*] yang terdapat pada kata kerja (**يَكْسِفُ**) [mendedahkan] dalam segmen (5) yang memerlukan rujukan secara endofora anafora kepada unsur bahasa dalam segmen sebelumnya bagi mengetahui maknanya dengan jelas. Dalam segmen (7), perkataan (**يُعْقِلُ**) [polis] yang merupakan pelaku atau fa'il bagi kata kerja (**[ditangkap]** dan (**تُؤْجَمُ**) [dihadapkan] dihilangkan melalui kaedah elipsis disebabkan kata kerjanya berada dalam keadaan pasif. Semua 32 huruf jarr yang terdapat dalam *TBo* berfungsi sebagai penghubung unsur-unsur atau bahagian-bahagian dalam segmen yang sama. Hal yang serupa juga berlaku kepada konjungsi (**وَ**) [dan] yang terdapat dalam segmen (1) dan (5) serta yang berada pada kedudukan kedua dalam segmen (4), (6), (7) dan (8), (**فَ**) [*maka*] yang terdapat dalam segmen (2), (**حَتَّىٰ**) [*sehingga*] yang terdapat dalam segmen (7), konjungsi teks (**إِنْ**) [*sesungguhnya*] dan (**وَإِنْ**) [*dan jika*] yang terdapat dalam segmen (2), (**فَإِنْ**) [*namun sesungguhnya*] yang terdapat dalam segmen (5) serta (**بَيْنَ أَنْ**) [*akan tetapi*] dan (**وَإِنْ كَانَتْ**) [*walaupun*] yang terdapat dalam segmen (8). Ini berbeza dengan konjungsi (**وَ**) [*dan*] yang terdapat di awal segmen (2), (3), (4), (6), (7) dan (8) serta (**وَرَغْمَ**) [*walaupun*] yang terdapat di awal segmen (5) yang berfungsi menghubungkan dua segmen iaitu segmen sebelum dan segmen selepasnya.

Kohesi leksikal yang direkodkan pula terdiri daripada 22 (78.6 %) pengulangan, 2 (7.1 %) sinonim, 1 (3.6 %) antonim, 2 (7.1 %) kohiponim dan 1 kolokasi (3.6 %). Pengulangan berlaku kepada pasangan perkataan-perkataan (**رئيسٌ - رئيس وزراء** رئاسة الوزراء - الوزراء) (**ماليزيا**) (**Perdana Menteri**) dalam segmen (1), (3) dan (8) (**Malaysia**) dalam (**الماليزية** - **الماليزي** - **الماليزية** - **الماليزية** (**عبد الله - بدوي** - **عبد الله احمد بدوي**) (**Abdullah Ahmad Badawi**) dalam segmen (1), (2), (3) dan (8), (**ابن - ابن**) (**ketua**) (**رئاسة الرئيس - رئيس - رئيس**) (**Agensi Tenaga Atom Antarabangsa**) dalam segmen (1) (**وكالة الدولية للطاقة الذرية**) (**الوكالة الدولية**) dalam segmen (1)

Jadual 4 Kohesi nahu dalam TBo.

Alat kohesi	Jenis	Kekerapan
هـ	Rujukan – ڏamir b��riz mutta��il	6
سـهـ	Rujukan – ڏamir b��riz mutta��il	8
(يَقْعِلُ وَ فَعَلُ ) هــ	Rujukan – ڏamir mustatir	5
(تَقْعِلُ وَ فَعَلْتُ ) هــ	Rujukan – ڏamir mustatir	7
ذـلـىـكـ	Rujukan – ��sm al-‘isyrat	1
الـشـرـطـةـ	Elipsis – fa‘il (pelaku)	2
وـ	Konjungsi – huruf al-‘atf	13
فـ	Konjungsi – huruf al-‘atf	1
ثـنـىـ	Konjungsi – huruf al-‘atf	1
فـيـ	Konjungsi – huruf jarr	7
ـاـ	Konjungsi – huruf jarr	4
مـنـ	Konjungsi – huruf jarr	4
إـلـىـ	Konjungsi – huruf jarr	2
عـنـ	Konjungsi – huruf jarr	3
عـلـىـ	Konjungsi – huruf jarr	2
لـ	Konjungsi – huruf jarr	9
مـنـذـ	Konjungsi – huruf jarr	1
إـنـ	Konjungsi – teks	1
وـإـذـاـ	Konjungsi – teks	1
وـإـنـ كـانـ	Konjungsi – teks	1
وـرـغـمـ	Konjungsi – teks	1
فـإـنـ	Konjungsi – teks	1
بـيـدـ إـنـ	Konjungsi – teks	1
Jumlah		82

dan (2) (شَرْكَةٌ - شَرْكَةٌ - شَرْكَةٌ) [syarikat] dalam segmen (1), (2) dan (3), (تجارِيَّةٌ - التِّجَارَةُ) [perniagaan] dalam segmen (1) dan (8), يُورانيوم - النيورانيوم) (berkata) [uranium] dalam segmen (1) dan (4), (النُّووَويَّةُ) [atom] dalam segmen (1), (3) dan (5), (أَجْزَاءٌ - الأَجْزَاءُ) [komponen-komponen] dalam segmen (1) dan (4), (اعْتِرَافٌ - اعْتِرَافٌ - اعْتِرَافٌ) [pengakuan] dalam segmen (3) dan (أَبُو طَاهِرٍ - أَبُو طَاهِرٍ - أَبُو طَاهِرٍ - بُخَارِي سِيدُ أَبُو طَاهِرٍ) (Abu Tahir) [Abdul Kadir Khan] dalam segmen (4) dan (6), (تَخْصِيبٌ - لِيَبِيَا) [peledak] dalam segmen (4), (ليبيا - مُخْصِبٌ) [Libya]

dalam segmen (4) dan (5), [Iran] dalam segmen (4) dan (5), [perincian] dalam segmen (3) dan (5), [تفاصيل - تفاصيل] (5), (يُكْشَفُ - كشفت) (8), [hubungan] dalam segmen (8), (العَلَاقَاتِ - علاقات) [mendedahkan] dalam segmen (3) dan (5), (الأَمْرَكِيَّةُ - الأميركيَّيَّةُ) (5), [Amerika Syarikat] dalam segmen (6) dan (8). Hubungan sinonim berlaku kepada pasangan perkataan [atom] dalam segmen (1) serta [senjata] dalam segmen (1) dan (3). Hubungan antonim pula berlaku kepada pasangan perkataan [بيع - شراء] (beli - jual) dalam segmen (3) dan (4). Hubungan kohiponim berlaku antara perkataan عبد الفيصل خان - بخارى سيد أبو طاهر كمال الدين - عبد الله أحمد بدوي (Abdullah Ahmad Badawi - Kamaluddin - Bukhari Syed Abu Tahir - Abdul Kadir Khan - George Bush - Mahathir Mohamad) dalam segmen (1), (2), (3), (4), (6) dan (8) serta (الولايات المتحدة - كوريا الشمالية - إيران - ليبيا - الباكستاني - السريلانكي - ماليزيا) [Malaysia - Sri Lanka - Pakistan - Libya - Iran - Korea Utara - Amerika Syarikat] dalam segmen (1), (3), (4), (5) dan (8). Pertalian secara kolokasi berlaku di antara pasangan perkataan [التجارة - شركة] (syarikat - perniagaan) dalam segmen (1).

## Kesimpulan Analisis

Ada beberapa pemerhatian yang dapat dirumuskan daripada analisis teks berita dalam talian tadi. Antaranya:

1. Dalam teks berita, satu makna semantik yang sempurna dinyatakan dalam satu ayat. Ini memudahkan pemahaman pembaca kerana setiap ayat tidak membawa lebih daripada satu makna semantik seperti yang berlaku kepada teks-teks kesusasteraan dan novel. Ini juga memudahkan pembahagian segmen iaitu pembahagian segmen dilakukan mengikut pembahagian ayat.
2. Teks berita tidak banyak menggunakan kohesi elipsis dan substitusi yang memerlukan ramalan pembaca yang tinggi. Ini menjadikan teks berita jelas, tersusun, mudah difahami dan mesra pembaca.
3. Kohesi leksikal pengulangan digunakan dengan kerap bagi menampakkan pertalian di antara bahagian teks dalam bentuk yang nyata kepada pembaca.
4. Hasil kajian telah membuktikan kewujudan kohesi rujukan, elipsis, substitusi, konjungsi dan leksikal dalam teks berita Arab. Ini menunjukkan bahawa kohesi memainkan peranan yang utama dalam memastikan ketekstualan teks berita Arab dan seterusnya dapat

menghasilkan makna teks yang kontekstual, tersusun dan difahami oleh pengguna bahasa

5. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa teks berita Arab secara khususnya atau wacana Arab secara umumnya tidak kekurangan unsur kohesi yang menjadi asas pertautan bahagian wacana bahkan unsur tersebut telah lama wujud di bawah batasan nahu yang terhad fungsinya, serta menjadi topik perbahasan secara tidak langsung semenjak aliran sintaksis ayat lagi. Unsur-unsur ini harus dikeluarkan daripada batasan-batasan nahu sekali gus meluaskan skop dan fungsinya.

## PENUTUP

Kajian kohesi merupakan salah satu daripada kajian struktur dalaman linguistik dalam wacana. Ayat sebagai unit yang paling tinggi dalam tatabahasa mempunyai struktur nahu yang tertentu. Oleh itu, setiap elemen dalam ayat dihubungkan antara satu sama lain oleh struktur ayat tersebut. Perkaitan elemen-elemen dalam ayat melalui struktur nahu ayat secara tidak langsung membina perkaitan kohesi dalam ayat. Di antara ayat pula, tidak terdapat perkaitan struktur seperti yang terdapat dalam ayat. Tidak ada struktur nahu yang menentukan bagaimana ayat seharusnya disusun. Oleh itu, hanya perkaitan kohesi sahaja yang menetapkan susunan ayat dalam sesebuah teks mengikut pertimbangan semantik. Sebuah teks yang telah ditetapkan susunan ayat di dalamnya berdasarkan perkaitan kohesi hanya boleh diubahsuai kedudukan ayatnya jika makna teks dipinda. Wacana seharusnya dilihat sebagai satu unit semantik yang mengandungi bahagian-bahagian yang dihubungkan secara kohesif. Justeru, kajian kohesi dalam teks berita Arab sebenarnya bertujuan membuktikan kemampuan wacana Arab berfungsi sebagai satu unit yang tidak boleh dipecahkan kepada unit-unit kecil yang lain. Jika dipecahkan juga kepada bahagian-bahagian seperti bab, episod, perenggan, ayat dan sebagainya, maka unit itu hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada wacana.

## RUJUKAN

- Abbās Hasan, 1974. *Al-Nahw al-Wāfiyy* (Bil. 1 – 4). Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.  
Abdul Jalil Othman, “Kajian Pertautan Ayat dalam Penulisan Karangan: Suatu Pengenalan” dlm. *Dewan Bahasa* 44:6, hlm. 658–681, 2000.  
Beaugrande, R. de dan Dressler, W., 1981. *Introduction to Text Linguistics*. London: Longman.

- Brown, G. dan Yule, G., 1983. *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Coulthard, M., 1985. *An Introduction to Discourse Analysis*. London: Longman.
- Coulthard, M. dan Montgomery, M. (ed.), 1981. *Studies in Discourse Analysis*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Halliday, M.A.K., 1978. *Language as Social Semiotic*. London: University Park Press.
- Halliday, M.A.K., 1985. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Halliday, M.A.K. dan Ruqaiya Hasan, 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Harimurti Kridalaksana, 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Ḩāsan Syahātāt, 1992. *Ta'līm āl-Lughat al-'Arabiyyat baina al-Nazāriyyat wa al-Taṭbiq*. Kaherah: Al-Dar al-Miṣriyyat al-Lubnāniyyat.
- Heydrich, W. et al., 1989. *Connexity and Coherence*. Berlin: Walter de Gruyter.
- Khathijah Abdul Hamid. 1996. "Wacana dalam Teks Penulisan: Satu Tinjauan tentang Pertautan Berdasarkan Analisis Kohesi dan Koheren". *Dewan Bahasa*. 40(10): 868–880.
- McCarthy, M., 1991. *Discourse Analysis for Language Teachers*. New York: Cambridge University Press.
- McCarthy, M. dan Carter, R., 1994. *Language as Discourse: Perspectives for Language Teaching*. London: Longman.
- Renkema, J., 1993. *Discourse Studies*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Salkie, R., 1995. *Text and Discourse Analysis*. London: Routledge.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah, 1997. *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Steiner, E.H. dan Veltman, R., 1988. *Pragmatics, Discourse and Text*. London: Pinter Publishers.
- Syeikh Muṣṭafā Al-Ghalāyiniyy, 1973. *Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyat* (Bil. 1 – 3). Beirut: Al-Maktabat al-'Asriyyat.
- Stubbs, M., 1989. *Discourse Analysis*. Oxford: Basil Blackwell.

## ماليزيا تدعى الطاقة الذرية لتفقد شركة مشتبه فيها

دعا رئيس وزراء ماليزيا عبد الله أحمد بدوي اليوم الثلاثاء الوكالة الدولية للطاقة الذرية لتفقد شركة ماليزية في إطار التحقيقات الخاصة بالتجارة غير المشروعة في اليورانيوم والأجزاء النووية.<sup>(1)</sup> وقال بدوي في مؤتمر صحفي إن شركة سكوب الماليزية التي يمتلك ابنه كمال الدين حصة فيها ليس لديها ما تخفيه "وإذا ما أرادت الوكالة الدولية إلقاء نظرة على مصنعها فيمكنها ذلك".<sup>(2)</sup> وكانت الشرطة الماليزية كشفت الأسبوع الماضي تفاصيل عن سوق سوداء للأسلحة النووية استنادا لاعترافات رجل الأعمال السريلانكي بخاري سيد أبو طاهر الذي قال إنه تعاقد على شراء معدات من شركة محلية لها صلة بابن رئيس الوزراء الماليزي.<sup>(3)</sup> ونقل تقرير أصدرته الشرطة عن أبوطاهر شرحه لكيفية ترتيب العالم الباكستاني عبد القدير خان شحنة يورانيوم مخصب لليبيا وبيع أجزاء قيمتها ثلاثة ملايين دولار من وحدات الطرد المركزي المستخدمة في تخصيب اليورانيوم لإيران.<sup>(4)</sup> ورغم اعتراف خان بتسريب أسرار نووية لإيران ولبيبا وكوريما الشمالية فإن اعترافات أبوطاهر أضافت تفاصيل لم يكشف عنها من قبل.<sup>(5)</sup> وكان الرئيس الأميركي جورج بوش قد اتهم أبوطاهر بالمشاركة في أنشطة خان وغسيل الأموال التي جمعها.<sup>(6)</sup> ولم يعتقل أبوطاهر ولم توجه إليه تهمة حتى الآن.<sup>(7)</sup> وترتبط الولايات المتحدة وماليزيا بعلاقات تجارية قوية، بيد أن العلاقات السياسية تشهد توترا من آن إلى آخر وإن كانت تحسنت منذ تولي عبد الله رئاسة الوزراء خلفا لمحاضر محمد في أكتوبر/تشرين الأول الماضي.<sup>(8)</sup>